

31 peratus projek dicapai dalam 2 tahun

Anwar tegaskan KSP dibentang meliputi dasar, kaedah baharu

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, 31 peratus daripada 175 sasaran projek yang ditetapkan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) sudah dicapai dalam tempoh dua tahun pelaksanaannya, iaitu pada 2021 dan 2022.

Perdana Menteri berkata, pada masa sama sebanyak 59 peratus projek dalam sasaran yang ditetapkan melalui RMK12 juga berjalan mengikut jadual.

“RMK12 membabitkan peruntukan RM400 bilion bagi membiayai projek pembangunan dan sambungan dalam tempoh lima tahun dan bagi tempoh dua tahun pertama, prestasi perbelanjaan sebenar ialah 34 peratus.

“Pada 2021, jumlah perbelanjaan pembangunan hanya sebanyak RM64.3 bilion, sementara pada 2022 jumlahnya RM71.6 bilion,” katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK12 di Dewan Rakyat, semalam.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang menguncup -5.5 peratus pada 2020 mula pulih dengan mencatat pertumbuhan 3.3 peratus pada 2021.

Dalam tempoh dua tahun pertama RMK12, iaitu antara 2021 hingga 2022, katanya negara telah mencatat pertumbuhan purata KDNK sebanyak 5.9 peratus setahun.

Perdana Menteri menegaskan, KSP yang dibentangkan semalam bukan pendekatan biasa untuk menilai pelaksanaan RMK12, sebaliknya ia meliputi dasar dan kaedah baharu untuk menghadapi tantangan semasa.

Beliau berkata, RMK12 yang diluncurkan pada 2021 mula dilaksanakan bermatlamat ‘Makmur, Inklusif, Mampan’ manakala gagasan dalam KSP yang dibentangkan bermatlamatkan ‘Malaysia MADANI: Mam-



pan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi’.

“Dimaklum bahawa ketidaktabilan politik berserta hentakan wabak COVID-19 sejak awal 2020 mendedahkan kerapuhan sistem dan kelemahan tata kelola. Dalam tempoh ini juga, negara dirundung kegelapan tatkala Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan perintah darurat yang dikuatkuasakan antara 2020 hingga 2021 mengakibatkan rakyat kehilan-

gan mata pencarian, menyusutnya purata pertumbuhan ekonomi serta merosotnya pelaburan asing.

“Kadar kemiskinan meningkat ke paras 8.4 peratus dengan kadar pertumbuhan ekonomi tercorot akibat bertambahnya kemiskinan, sementara kadar kesenjangan membengkak kepada 0.411 dan kadar pengangguran meningkat kepada 4.5 peratus pada 2020,” katanya.